

Malaysia negara dagang ke-16

BH 22 DEC 1993

BUTTERWORTH, Selasa - Pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia sejak tujuh tahun lalu meletakkannya sebagai negara perdagangan ke-16 terbesar di dunia walaupun hanya mempunyai kira-kira 19 juta penduduk.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr/Mahathir Mohamad, berkata asas ekonomi yang kukuh menjadi landasan utama mendorong pertumbuhan ekonomi dengan sektor pembuatan memikul fungsi terpenting.

Menurutnya, langkah makro ekonomi yang diambil oleh kerajaan untuk mengekalkan pertumbuhan serta mengawal kadar inflasi sejak dua tahun lalu, membuahkan hasil di

luar dugaan.

"Ekonomi negara dijangka mencatat pertumbuhan 8.2 peratus tahun depan, lebih tinggi daripada anggaran tahun ini, iaitu lapan peratus.

"Sektor pembuatan terus menjadi penyumbang utama dengan sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka meningkat tahun ini," katanya ketika merasmikan kilang Otis Manufacturing Sdn Bhd di Taman Perindustrian Bukit Tengah dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, berikutan permintaan tinggi dan pertumbuhan pasaran tempatan yang baik, nilai ditambah sektor itu di-

jangka berkembang pada kadar 11.6 peratus tahun ini, berbanding 10.5 peratus tahun lalu.

Beliau berkata, keupayaan Malaysia mengekal dan mengembangkan pasarnya di dunia, khususnya dengan pertambahan bilangan negara yang disenaraikan sebagai rakan dagangan, bergantung kepada daya saingnya.

"Kejayaan dan kecemerlangan yang dicapai tidak harus melalaikan kita, sebaliknya rakyat perlu berusaha supaya lebih kompetitif pada masa depan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, adalah jelas minat dan

LIHAT MUKA 2

Cabaran bagi promosi pelaburan makin sukar

DARI MUKA 1

tumpuan pelabur akan terus berpusat ke Asia Pasifik yang dijangka mencatat pertumbuhan 8.75 peratus tahun ini dan 7.1 peratus tahun depan.

"Cabaran bagi promosi pelaburan makin sukar kerana saingan bukan saja dari negara sedang membangun dan negara perindustrian baru, malah di kalangan negara maju yang secara serius berusaha mengekalkan pelaburan di negara mereka," katanya.

Mengenai pelaburan asing di Malaysia, Dr Ma-

hathir berkata Amerika Syarikat mencatat jumlah pelaburan modal tertinggi iaitu RM1.68 bilion, diikuti Jepun (RM1.5 bilion), Taiwan (RM836 juta) dan United Kingdom (RM467 juta).

"Dalam tempoh 10 bulan pertama tahun ini, kerajaan meluluskan 22 projek berkepentingan Amerika dengan anggaran pelaburan RM1.68 bilion manakala 41 projek diluluskan sepanjang tahun lalu dengan nilai pelaburan RM3.3 bilion,"

katanya.

Beliau berkata, kehadiran Otis yang memilih Malaysia sebagai pusat operasi adalah wajar kerana industri pembinaan bangunan di Asia Tenggara dan Timur makin berkembang.

Katanya, satu perubahan ketara berhubung pelaburan asing di negara ini ialah, mereka tidak lagi menganggap Malaysia pusat operasi untuk mengaut keuntungan, sebaliknya pusat pelaburan tetap.